

# Info@Kolej Kediaman

Buletin Hal Ehwal Pelajar & Alumni Edisi 4

## 'LEADERSHIP CAMP'

### MAJLIS PENGHUNI KOLEJ KEDIAMAN (MPKK) 2008/2009

Oleh : Noorharnila Rusli

Pejabat Pengetua Kolej Kediaman dengan kerjasama Pejabat Pengurusan Kolej-Kolej Kediaman, UniMAP telah menganjurkan Program 'Leadership Camp' Majlis Penghuni Kolej Kediaman (MPKK) bagi sesi 2008/2009 pada 2 hingga 4 Januari 2009 bertempat di Taman Negeri Perlis. Program ini adalah merupakan program tahunan yang wajib dihadiri oleh setiap ahli Majlis Penghuni Kolej Kediaman (MPKK). Program ini telah disertai oleh 64 orang pelajar MPKK dan 20 orang staf Kolej Kediaman.

Objektif program ini adalah untuk meningkatkan semangat kerjasama antara kumpulan, meningkatkan kemahiran berkomunikasi, merapatkan hubungan antara pemimpin pelajar setiap MPKK dan seterusnya memantapkan kekuatan fizikal dan mental pemimpin-pemimpin pelajar.

Melalui program ini pelajar-pelajar tersebut didedahkan dengan pelbagai aktiviti yang dapat membentuk personaliti dan kemahiran komunikasi. Antara aktiviti-aktiviti yang terlibat ialah Jelajah Gua Wang Burma, LDK, memasak, riadah dan sebagainya.

Di akhir program ini, semua pelajar diharap dapat meningkatkan keyakinan diri untuk sama-sama memimpin pelajar di Kolej Kediaman masing-masing.

